

17/06/1999

RM8j untuk isi jawatan Kemas

Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan meluluskan peruntukan tambahan RM8 juta bagi mengisi 1,500 kekosongan jawatan di Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, daripada jumlah jawatan yang bakal diisi itu, 150 ialah penyelia dan penyelia kanan, manakala bakinya pemaju masyarakat.

Semua jawatan itu akan diisi segera bagi meningkatkan lagi perkhidmatan Kemas terutamanya dalam program bina insan, yang baru diperkenalkan untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

Beliau berkata, program itu akan memberi tumpuan kepada penganjuran kursus yang menekankan aspek ketatanegaraan dan isu semasa.

"Melalui pemahaman jelas terhadap isu semasa, terutama membabitkan dasar kerajaan, kita berharap rakyat terutamanya di kawasan desa, tidak mudah terpedaya dengan golongan yang cuba menerapkan unsur negatif," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar itu, beliau mengumumkan pelancaran album cakera padat puisi patriotik bertajuk Perjuangan Yang belum Selesai terbitan Umno Peringat, Kelantan.

Album yang diterbitkan dengan kerjasama bekas personaliti TV3, Raz Adiba Radzi antara lain turut mengandungi versi asal sajak bertajuk Perjuangan Yang Belum Selesai, yang dideklamasikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia akan dilancarkan serentak dengan pementasan khas teater Putri Saadong di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur esok. Harga sekeping cakera padat itu ialah RM15.

Annuar turut mengingatkan pengarah Kemas di seluruh negara supaya menyegerakan pelaksanaan projek di kawasan masing-masing bagi memastikan peruntukan mereka tidak dialihkan ke kawasan lain.

Menurutnya, beliau sudah mengarahkan jabatan itu supaya menilai semula semua tahap pelaksanaan projeknya bagi mengenal pasti projek yang lembab.

"Jika didapati pelaksanaan projek itu terlalu lembab, peruntukannya akan dialihkan ke projek lain," katanya.

(END)